



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

ISU RUMAH IBADAT TANPA KELULUSAN DAN PERHIMPUNAN PROTES ANTI RUMAH ANUTAN HARAM (GARAH)

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) memandang serius reaksi awam berhubung isu rumah ibadat yang didakwa dibina tanpa kelulusan serta perhimpunan protes oleh Gerakan Anti Rumah Anutan Haram (GARAH).

Isu ini perlu ditangani secara berhemah dan berteraskan semangat perpaduan nasional bagi memelihara keharmonian antara kaum dan agama. Kerajaan MADANI kekal komited menghormati kebebasan beragama seperti dijamin Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan, serta menegaskan bahawa segala urusan berkaitan rumah ibadat hendaklah diselesaikan mengikut undang-undang dan bidang kuasa pihak berkuasa tempatan. Sehubungan itu, semua pihak harus mengutamakan dialog serta rundingan bersama pihak berkepentingan dalam mencari penyelesaian, serta mengelakkan sebarang tindakan tergesa-gesa yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat.

KPN juga menyokong penuh usaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan tempatan (KPKT) melaksanakan pemutihan rumah ibadat yang dibina tanpa kebenaran melalui pendekatan kerjasama, rundingan dan penyelesaian harmoni, selaras dengan prinsip perpaduan nasional serta tadbir urus yang berlandaskan undang-undang.

Perpaduan nasional merupakan aset negara yang paling bernilai dan tidak wajar digadaikan akibat emosi, salah faham atau naratif tidak bertanggungjawab yang tersebar di ruang awam, khususnya di media sosial. Kerajaan MADANI kekal komited untuk memelihara keharmonian, memperkukuh perpaduan nasional dan memastikan ruang awam tidak disalahgunakan sebagai medan menyemai kebencian atau perpecahan dalam kalangan rakyat Malaysia.

YB DATUK AARON AGO DAGANG

MENTERI PERPADUAN NEGARA

9 Februari 2026

KPN.100-9/1/16 (8)

